



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Majlis Perbandaran Ampang Jaya(MPAJ) berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Mereka Bentuk, Membina, Melengkapkan dan Mentauliahkan

**CADANGAN KERJA-KERJA PENSTABILAN CERUN SECARA REKA DAN BINA DI JALAN
TAMAN MELAWATI, TAMAN MELAWATI, MUKIM HULU KELANG, DAERAH GOMBAK,
SELANGOR DARUL EHSAN. (NO. TENDER : MPAJ 07/01/04-330/2022)**

2. **KETERANGAN AM KERJA**

Lokasi tapak bina terletak di **Taman Melawati**

Skop kerja bagi projek ini merangkumi **mencadangkan, merekabentuk dan melaksanakan kerja-kerja penstabilan cerun serta menyelia kerja ditapak.**

Kerja dijangka akan dimulakan dalam **bulan September tahun 2022** dan tempoh penyiapan adalah **12 bulan**.

3. **SYARAT-SYARAT UNTUK PRA KELAYAKAN**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut:

- i) **PENDAFTARAN KONTRAKTOR**

(a) Jenis Syarikat – Bumiputera/Bukan Bumiputera

(b) Mempunyai Sijil **Suruhanjaya Syarikat Malaysia(SSM)**

(c) Mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)** dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang sah dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam **Gred G4** dan Kategori **CE 08** dan **CE 21**.

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

Kontraktor berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)**.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

ii) KEUPAYAAN KONTRAKTOR

(a) KEUPAYAAN KEWANGAN

Mempunyai *nett worth* melebihi **20%** dari nilai tahunan bebanan kerja atau Modal Pusingan (working capital) melebihi **10%** dari nilai tahunan bebanan kerja atau Modal Mudah Cair melebihi **3%** dari nilai tahunan bebanan kerja.

(b) KEUPAYAAN TEKNIKAL

Telah melaksanakan projek pembinaan yang serupa dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja tidak kurang dari **RM 3,000,000.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.

Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.

iii) PERUNDING KONTRAKTOR

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (independent and not inhouse consultants) seperti berikut :-

(a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.

(b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

PENDAFTARAN & TAKLIMAT

Masa : 9.30 Pagi

Tarikh : 14 Julai 2022(Khamis)

Tempat: Dewan Perbandaran Pandan Indah,
Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur, Selangor

4. Dokumen Pra kelayakan akan dipamerkan mulai 15 Julai 2022(Jumaat) di Aras 4, Galeri Aras 4, Majlis Perbandaran Ampang Jaya pada hari bekerja di antara pukul 8.45 pagi hingga 12.30 tengahari dan 2.30 hingga 4.30 petang(isnin hingga khamis) dan 8.00 pagi hingga 12.15 tengahari dan 2.45 hingga 5.00 petang (Jumaat).
5. Penjualan dokumen akan dibuat melalui jualan sepenuhnya atas talian melalui Sistem Icomm(E-Tender) MPAJ. Bagi kerja ini, Majlis akan menggunakan sistem **icomm.mpaj.gov.my** sepenuhnya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

6. Semakan sijil-sijil kelayakan akan dibuat semasa petender memulangkan semula dokumen berkaitan pada tarikh tutup peti tender. Sebarang pemalsuan sijil atau tidak mempunyai kod bidang seperti yang disyaratkan semasa mengemukakan kembali dokumen, Pihak Majlis akan beranggapan pihak petender tidak serius dan ianya adalah di bawah tanggungjawab petender. Pihak petender boleh dikenakan tindakan oleh pihak majlis dan wang dokumentasi juga tidak akan dikembalikan.
7. Harga dokumen ialah **RM 200.00(Ringggit Malaysia Dua Ratus Sahaja)** senaskah. Dokumen Pra kelayakan boleh dimuat turun melalui laman sesawang **icomm.mpaj.gov.my** dan wajib dibukukan/ didokumentasikan. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
8. Permohonan hendaklah dikemukakan dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:
Peti Sebut Harga/Tender, di Aras 4 Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Selangor 55100 Kuala Lumpur tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada **28 Julai 2022(Khamis)**.
9. Cara penggunaan ICOMM boleh dilihat di **Lampiran A**
10. Majlis berhak membuat pindaan sepanjang tempoh taklimat berlangsung dan menjadi tanggungjawab petender untuk menyemak pindaan tersebut.

YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
www.mpaj.gov.my / icomm.mpaj.gov.my

TARIKH IKLAN : 4/07/2022



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

LAMPIRAN A

RINGKASAN

1. LOG MASUK EMAIL YANG DIGUNAKAN SEMASA PENDAFTARAN
2. DAPATKAN KATA LALUAN DI DALAM EMAIL
3. GUNAKAN BROWSER UNTUK LAYARI INTERNET
4. TAIP **icomm.mpaj.gov.my**
5. LOG MASUK DENGAN MENGGUNAKAN NO SSM dan KATALALUAN (SEPERTI DALAM EMAIL)
6. KEMASKINI MAKLUMAT KEWANGAN DAN KOD CIDB
7. BELI TENDER . PILIH FPX/KREDIT KAD
8. MUAT TURUN BORANG TENDER
9. MASUKKAN HARGA SAMA SEPERTI HARGA DALAM BORANG TENDER